

DILEMA WANITA BERKERJAYA

"Hari ini, balik dari pejabat, ambil anak di pusat asuhan. Sampai di rumah, terus ke dapur siapkan apa yang patut untuk makan malam. Sambil-sambil itu mata menjeling ke telefon bimbit takut-takut ada mesej yang masuk daripada bos. Masih ada kerja yang belum diselesaikan sebelum balik tadi. Walaupun tangan ligat di dapur, kepala masih lagi memikirkan apa yang perlu dibuat malam ni untuk siapkan kerja esok."

KONFLIK-KERJA KELUARGA

Pernahkah kita melalui keadaan seperti ini? Bagi ibu-ibu yang berkerjaya tentunya hari-hari kita sangat sibuk dengan kerja-kerja di pejabat (atau di mana sahaja posisi pekerjaan kita) dan juga menguruskan keluarga di rumah.

Tidak dapat dinafikan, kehidupan di abad ini memertukan perbelanjaan yang tinggi. Segala-galanya memerlukan duit bagi menampung perbelanjaan seharian, rumah, kenderaan dan belanja persekolahan anak-anak sama ada di peringkat rendah, menengah dan universiti.

Hakikat ini menyebabkan sebahagian besar para ibu terpaksa meninggalkan tugas hakiki di rumah buat sementara waktu (8 pagi - 5 petang) untuk keluar bersama-sama mencari rezeki bagi membantu suami masing-masing menampung keluarga.

Jika tidak atas alasan itu pun, wanita yang telah menyambung pengajian di peringkat tinggi rata-ratanya berkerjaya, mungkin sayang dengan masa, tenaga dan kewangan yang telah dicurahkan. Tidak kurang juga yang menjadi suri rumah berprofil tinggi. Sememangnya satu kerjaya yang cukup mulia.

Namun, bagi yang memilih untuk berkerjaya, cabaran yang dihadapi tidak sedikit. Setiap hari perlu berperanan dengan peranan yang berbeza-beza bagi melengkapkan pusingan kehidupan.



Gambar hiasan

Awal paginya di rumah, kemudian menjalankan rutin bekerja, akhir siang kembali ke rumah dan perlu berperanan pula di rumah. Dalam hal ini, kerap kali kita berada di antara dua domain ini.

Kadang-kadang kerja yang sepatutnya diselesaikan di pejabat dibawa balik ke rumah. Tak cukup masa lapan pagi hingga lima petang, sambung pula selepas Isyak atau mencuri-curi waktu sementara membantu anak-anak menelaah pelajaran. Itu pun jika tidak tertalu berat kerja yang dibawa balik.

Jika tidak, anak-anak yang bertanya hal-hal pelajaran pun belum tentu kita dapat melayannya kerana kepala sarat memikirkan masalah kerja. Tentunya bila kerap berlaku sedemikian, anak-anak akan kehilangan perhatian ibu bapa. Bagi yang lebih sistematik, mungkin kerja-kerja ini diatur bila semua anak-anak lena dibuai mimpi.

Namun tidak semua akan jadi seperti yang dirancang. Acap kali waktu hujung minggu bersama keluarga diganggu dengan tugas-tugas yang memerlukan kita hadir ke tempat kerja. Secara fizikal kerja-kerja

tersebut telah mencuri masa yang sepatutnya untuk keluarga. Tetapi yang tidak kelihatan secara fizikal, seperti kebimbangan atau sentiasa memikirkan masalah-masalah kerja, juga satu gangguan untuk anak-anak dan keluarga.

Inilah yang dikatakan konflik kerja-keluarga apabila secara fizikal atau bukan fizikal, kerja tersebut dibawa balik sehingga ke rumah. Sekali gus sempadan antara kerja dan keluarga sudah tidak kelihatan lagi.

CABARAN

Tentunya yang lebih terkesan adalah golongan ibu yang tugas hakikinya untuk keluarga sekalipun tidak dinafikan golongan bapa juga tidak terkecuali.

Sering kali apabila terpaksa melakukan banyak kerja dan peranan dalam satu masa, tekanan dan konflik akan berlaku. Antara cabaran terbesar ialah menyeimbangkan antara tugas dalam keluarga dan pejabat. Tidak dapat tidak kita tidak boleh mengesampingkan peranan yang perlu dimainkan dalam kedua-duanya.

Hakikatnya agak payah juga kerana kerja adalah medan mencari rezeki, dan kelihatannya ia agak dominan dan sering diutamakan berbanding keluarga. Terpaksalah kita memujuk anak-anak.

Jika kita memegang jawatan tertentu, mungkin boleh membuat keputusan sendiri untuk tidak melibatkan kerja dalam waktu keluarga. Namun yang terpaksa menerima arahan terutamanya pekerja bawahan mungkin lebih sukar. Bagaimana mahu diseimbangkan jika tuntutananya bukan dalam kawalan kita?

Selain itu, kemajuan dalam teknologi maklumat dan aplikasi-aplikasi telefon bimbit antara yang meningkatkan cabaran ini. Jika dulu, paling canggih mungkin e-mel. Sekali gus peluang untuk arahan kerja melalui e-mel masuk ke dalam rumah mungkin agak kurang kerana bergantung kepada talian Internet yang kita ada.

Tapi hari ini setiap orang boleh diakses di mana sahaja. Arahan-arahan pun boleh melepasi sempadan pejabat dengan mudah dan sampai kepada kita di saat kita sedang makan

malam dengan keluarga, atau sedang berkelah di tepi laut di hujung minggu!

Tiada alasan untuk tidak memberi maklum balas yang diperlukan. Sudahnya, kita tidak dapat membezakan antara sepadan kerja dan keluarga. Sebarang tugasan, permasalahan dapat merentasi sepadan tanpa mengira masa dan tempat.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di alam pekerjaan bukanlah baru kerana penggunaan e-mail, *personal digital assistant* (PDA) telah lama digunakan untuk urusan komunikasi di alam pekerjaan.

Bermula tahun 2008, berlaku perkembangan media sosial dengan kemunculan *facebook*, *MySpace*, *Friendstar*, *Bebo*, *WeChat*, *Whatsapp*, *Telegram* dan pelbagai lagi bentuk yang mana melaluinya pengguna boleh mewujudkan komuniti maya untuk berkongsi maklumat, idea, mesej, video dan sebagainya.

Ia bertambah rancak apabila pengeluar telefon mudah alih turut memperkenalkan teknologi telefon yang digabungkan dengan teknologi Internet yang memudahkan aplikasi media sosial digunakan.

Teknologi ini terus berkembang dan akhirnya kegunaan media sosial tidak lagi untuk digunakan ketika waktu santai malah untuk tujuan pekerjaan. Ini kerana media sosial sangat mudah dan cepat untuk menyampaikan maklumat serta mempunyai kemampuan menghantar mesej dalam pelbagai format maklumat seperti teks, gambar, video dan sebagainya.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh enjin pencarian pekerjaan dalam talian, *Jobstreet.com*, 54 peratus daripada pekerja yang mengambil bahagian dalam kajian tersebut masih menerima arahan daripada majikan masing-masing meskipun di luar waktu pejabat termasuk ketika bercuti.

Keadaan ini menjadikan ruang sempadan antara pekerjaan dengan kehidupan seseorang semakin mengecil yang memungkinkan keseimbangan antara pekerjaan dengan kehidupan peribadi seseorang pekerja akan terganggu.

PENYELESAIAN?

Jika dilihat sepintas lalu, nampak seperti agak sukar untuk menyelesaikannya. Bagaimana mahu mengatakan 'tidak' kepada bos atau orang atasan? Terjeratlah kita kerana terpaksa menghambakan diri kepada domain yang memberi sumber kewangan kepada kita saban bulan?

Kita harus bijak mengatur waktu dan prioriti. Mana yang penting tetapi tidak segera, mana yang segera dan penting, mana yang tidak penting tetapi segera dan yang penting pun tidak, segera pun tidak.

Bijak mengatur kerja adalah penting untuk menyeimbangkan tuntutan kerja dan keluarga. Apa yang sepatutnya disiapkan, perlu disegerakan, maka jangan ada istilah bertangguh.

Justeru, aturkanlah prioriti kerja kita mengikut yang sepatutnya. Bos pastinya tidak akan bertanya sehingga ke rumah jika apa yang dikehendakinya telah ada di atas meja sebelum kita *punch out!*

Dalam masa yang sama, sokongan daripada penyelia juga amat perlu dalam menangani masalah konflik kerja dan keluarga ini. Oleh itu, komunikasi berkesan diperlukan supaya kedua-dua pihak jelas dengan kehendak dan jangkaan masing-masing.

Sesuatu masalah yang tidak dituahkan dan diharapkan orang lain faham dengan jelas masalah yang kita hadapi adalah mustahil. Ia perlu dibincangkan secara terbuka dan berhemah supaya dapat menghasilkan satu penyelesaian yang *win-win* bagi kedua-dua belah pihak.

Selain itu, kita juga harus tegas dengan diri sendiri. Disiplinkan diri untuk tidak menatap telefon bimbit sebaik sampai di rumah. Jangan beralasan 'nanti takut ada perkara atau mesej penting yang masuk' kerana jika perkara tersebut tertalu penting untuk diselesaikan, medium yang digunakan bukan mesej bertulis, tetapi panggilan terus daripada mereka!

Women - General
Pg. 84 - 85